

Headline	Faiz bakal harungi empat perlawanan sahaja di Argentina		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 May 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	60
ArticleSize	303 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 23,681		



FAIZ (depan) terpaksa pulang awal daripada siri Jelajah Argentina kerana perlu menduduki peperiksaan di UM awal bulan depan.

Faiz bakal harungi empat perlawanan sahaja di Argentina

TONGGAK pertahanan skuad hoki negara, Faiz Helmi Jali terpaksa pulang awal daripada siri Jelajah Argentina di Buenos Aires kerana komitmen pelajaran apabila dia perlu menduduki dua peperiksaan penting pada 4 dan 6 Jun depan.

Faiz, 26, akan pulang seorang diri ke tanah air pada 30 Jun daripada jadual asal bertolak bersama pasukan lima hari kemudian kerana tidak boleh terlepas peperiksaan penting kursus pengajiannya di Universiti Malaya (UM).

Bintang Tenaga Nasional Berhad itu menegaskan, dia tidak boleh terlepas siri Jelajah Argentina kerana ia adalah sebahagian daripada persediaan dan pemilihan ke Sukan Asia 2018 di Jakarta dan Palembang, Indonesia pada Ogos depan.

“Sudah lebih sebulan saya tidak bermain perlawanan kompetitif tinggi sejak Piala Sultan Azlan Shah di Ipoh (Mac lalu). Saya membuat keputusan tidak bermain Sukan Komanwel 2018 di Gold Coast, Australia (April) kerana komitmen pelajaran.

“Kalau ikutkan saya tidak mahu pergi ke Argentina tetapi disebabkan ia salah satu persediaan ke Sukan Asia, saya terpaksa melakukannya. Mujur UM benarkan saya menunda dua peperiksaan awal pada 30 Mei ini dan 1 Jun depan.

“Namun, dua lagi peperiksaan penting pada 4 dan 6 Jun tidak dapat ditunda, jadi saya terpaksa pulang lebih awal. Jurulatih sudah memberitahu tiada masalah dengan perkara ini,” katanya kepada *Kosmo!* kelmarin.

Malaysian Tigers yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) awal pagi semalam, terpaksa mengharungi 30 jam perjalanan ke Buenos Aires termasuk 18 jam transit di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu.

Skuad bimbingan Stephen Van Huizen itu dijadualkan bermain enam perlawanan persahabatan menentang juara Sukan Olimpik 2016 yang juga ranking kedua dunia, Argentina sepanjang siri jelajah tersebut.

Faiz cuma sempat bermain empat perlawanan persahabatan di Mar del Plata pada 25, 27, 28 dan 30 Mei sebelum pulang ke tanah air dan terlepas dua lagi baki siri jelajah menentang Argentina di Club Ciudad de Buenos Aires (1 dan 2 Jun).